

**Raja Muda Perlis Mahu Minda Segar Digembleng
Bernama
17 May, 2013**

KANGAR, 17 Mei (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah cita-cita ke arah menjadikan Perlis sebagai negeri maju dan negeri ilmu akan menjadi kenyataan jika idea daripada minda yang segar turut digembleng.

Baginda bertitah minda yang segar dan muda juga perlu diintegrasikan dan dikongsi supaya visi dan misi kerajaan negeri dapat direalisasikan.

Baginda bertitah demikian mewakili kerabat diraja Perlis semasa melafaz ikrar taat setia pada istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran negeri sempena ulang tahun keputeraan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang ke-70 di Istana Arau Jumaat.

Tuanku Syed Faizuddin juga berharap semua pihak turut berhijrah minda ke arah itu dan fokus dalam tindakan serta telus melaksanakan arahan dengan menjadikan semangat musyawarah sebagai pegangan.

"Keputusan mengikut kata sepakat, buruk dibuang dengan rundingan, baik ditarik dengan muafakat, kepentingan umum diutamakan, kepentingan peribadi diketepikan," titah baginda.

Selain itu, baginda mahu semua pihak tekun dan kompeten dalam mencorak pembangunan serta kreatif dan inovatif dalam mencipta perubahan.

"Bermentaliti kelas pertama, pendekatan matang, berkongsi nilai dan perasaan, meskipun berbeza agama, kaum dan fahaman...nyalakan obor perpaduan, padamkan api perkauman demi semangat setiakawan," titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin turut berharap semua pihak bekerja keras menjayakan pelbagai program termasuk Sukan Malaysia (Sukma) 2014 yang hanya tinggal 375 hari di samping membantu menjayakakan wawasan 2020.

"Jika diambil kira 2015 (wawasan Perlis Maju 2015) hanya tinggal 593 hari sahaja untuk dicapai," titah baginda.

Baginda turut berharap agar segala strategi dirancang rapi manakala segala aktiviti dilaksanakan secara pragmatik bagi memastikan kemajuan yang dicanang bukan hanya satu retorik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950410>